



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL

SIARAN MEDIA

MENU SIHAT PERPADUAN DILANCAR SERENTAK DI SELURUH NEGARA

TUMPAT, 27 April – Dalam usaha untuk **memperkasakan amalan pemakanan sihat sejak awal usia dan memperkukuh nilai perpaduan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah**, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) hari ini telah melancarkan **Program Menu Sihat Perpaduan 2025** secara **serentak di seluruh negara**.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Che Roslan bin Che Daud, Ketua Pengarah JPNIN, di Pusat Aktiviti Perpaduan Tumpat, Kelantan.

Program Menu Sihat Perpaduan ini akan **memberikan manfaat kepada seramai lebih 34,000 murid yang melibatkan 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Perpaduan di seluruh negara**. Inisiatif bukan sahaja bertujuan **membudayakan amalan pemakanan sihat**, malah turut **menyemai nilai perpaduan melalui penghargaan terhadap kepelbagaian makanan tradisional** pelbagai etnik dalam negara kita.

Dalam ucapannya, YBhg Dato' Haji Che Roslan menekankan bahawa ***“Pendidikan awal kanak-kanak bukan sahaja melibatkan perkembangan kognitif dan sosial, malah turut merangkumi aspek pemakanan sihat dan seimbang. Pemakanan sihat adalah asas kepada pembangunan menyeluruh anak-anak Malaysia merangkumi aspek fizikal, mental, emosi dan sosial”***.

Statistik terkini menunjukkan bahawa isu malpemakanan terus membelenggu kanak-kanak negara ini. Sehingga Mac 2025, seramai 2,427 murid Tabika Perpaduan dan 72 kanak-kanak Taska Perpaduan dikenal pasti mengalami masalah bantut dan bantut teruk.

YBhg Dato' Haji Che Roslan turut menyeru ibu bapa agar memainkan peranan aktif dalam membentuk tabiat pemakanan anak-anak dan menyokong usaha pendidik di tabika dan taska. Beliau turut **mengalu-alukan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta dalam memperkasa program pemakanan dan kesejahteraan kanak-kanak Tabika Perpaduan.**

JPNIN turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pelbagai agensi serta komuniti bagi menjayakan program ini dan memastikan pemakanan sihat menjadi budaya yang menyeluruh.

Kerajaan MADANI komited untuk memastikan setiap kanak-kanak Tadika Perpaduan menerima akses kepada pemakanan berkhasiat sebagai asas pembentukan sahsiah dan kecemerlangan. Program ini merupakan manifestasi untuk membentuk generasi masa depan yang sihat, berpengetahuan, dan bersatu padu yang selaras dengan nilai Malaysia MADANI iaitu Kesejahteraan.

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

27 April 2025

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang bertanggungjawab dalam memperkukuhkan perpaduan serta keharmonian sosial dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui pelbagai inisiatif dan program yang melibatkan komuniti setempat, JPNIN berperanan dalam memastikan kesejahteraan sosial, menggalakkan interaksi antara kaum, serta memperkasakan nilai perpaduan dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia. Jabatan ini komited untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, harmoni dan saling menghormati ke arah Malaysia yang lebih sejahtera.